

Barisan Nasional yakin menang
Utusan Online
15 APRIL 2013

PULAU PINANG 14 April - Barisan Nasional (BN) yakin dapat merampas semula kerusi Parlimen Bayan Baru dan tiga Dewan Undangan Negeri (DUN) di bawah Parlimen itu pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) nanti.

Ketua UMNO Bahagian Bayan Baru, Datuk Abdul Rahim Saibu berkata, keyakinan itu berasaskan peningkatan sokongan semua kaum terutama kaum Cina di kawasan tersebut.

Menurutnya, kegagalan Kerajaan DAP Pulau Pinang menunaikan manifesto mereka pada pilihan raya umum sebelum ini merupakan punca utama pengundi beralih arah dan menyokong BN.

"Rakyat sudah pandai menilai, banyak janji yang ditaburkan pembangkang tidak ditunaikan yang paling ketara ialah pembinaan rumah kos rendah.

"Selain itu, transformasi yang dibawa Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak juga telah mengubah sikap pengundi hari ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Program Membersih dan Mengecat Surau Ubudiah anjuran Persatuan Penduduk Bukit Gedung dan Pergerakan Belia 4B Cawangan Sungai Keluang di sini hari ini.

Dalam pada itu katanya, jika dipilih menjadi calon pada pilihan raya umum nanti, beliau yakin dapat menunjukkan rupa sebenar pihak pembangkang khususnya DAP ketika berkempen.

"Saya akan tekankan isu perumahan serta sikap pembangkang kawasan terbabit yang dikatakan pandai memberi pandangan tetapi gagal menunaikan janji kepada penduduk," ujarinya.

Dalam masa yang sama, beliau turut menyeru Pas agar berubah sikap dan terus menyokong BN.

"Orang Melayu tidak boleh pecah kepada tiga, kena kuat dan bersatu barulah kita mampu membina negara serta rakyat yang berwawasan," tegasnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130415/px_35/Barisan-Nasional-yakin-menang#ixzz2ZzD41s8T

© Utusan Melayu (M) Bhd